

24/09/1997

Orang ramai keliru perintah darurat

KUCHING, Selasa - Orang ramai khususnya kakitangan awam dan swasta di negeri ini, keliru sama ada mereka perlu bertugas dan menghantar anak ke sekolah seperti biasa atau sebaliknya, berikutan pagi ini, tidak ada keputusan diumumkan oleh pihak bertanggungjawab.

Kekeliruan itu ketara apabila beberapa pendengar rancangan Selamat Pagi Sarawak (SPS) terbitan Radio Kuching, dihujani panggilan orang ramai yang ingin mengetahui kedudukan sebenar.

Tidak kurang juga yang memarahi pengacara rancangan radio itu, kerana gagal menjelaskan sama ada mereka patut bekerja atau menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Menurut pemanggil, mereka menghubungi SPS kerana sehingga jam 7 pagi ini, berikutan tidak ada pengumuman rasmi mengenai perkara itu oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN).

Tinjauan Berita Harian ke sekitar bandar raya ini mendapati, ramai kakitangan kerajaan yang mengeluh dan menyatakan kekeliruan mereka berhubung keadaan darurat negeri ini.

Seorang pemandu di sebuah jabatan kerajaan, Seman Taha, 56, ketika ditemui berkata beliau keliru kerana sehingga jam 7.30 pagi, tidak ada pengumuman dibuat bagi memaklumkan kakitangan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau mengambil keputusan sendiri berhubung persekolahan anaknya, dengan bertindak mengarahkan anaknya tidak ke sekolah berikutan Indeks Pencemar Udara (API) dilaporkan mencecah 541 API pada jam 6 pagi.

"Jarak penglihatan pada waktu itu di kawasan Petra Jaya hanya 50 meter. Bagaimanapun, selepas jam 7.30 pagi, barulah saya pasti bahawa semua jabatan dan agensi kerajaan dan swasta dibuka hari ini," katanya.

Seorang pengawal keselamatan sebuah jabatan kerajaan di sini, Mohidin Adon, 47, berkata beliau mengetahui bahawa sekolah masih ditutup berikutan pengumuman di radio.

Seorang pembantu tadbir rendah, Mahdi Lihi, 35, berkata pada awal pagi ini, beliau tidak tahu sama ada jabatan dan agensi kerajaan masih ditutup kerana tidak ada pengumuman mengenai perkara itu.

"Bagaimanapun, saya tetap ke pejabat untuk mengetahui kedudukan sebenar dan setiba di pejabat pagi ini, saya dapati pejabat dibuka seperti biasa," katanya.

Arahan darurat dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu apabila API di negeri ini melebihi tahap berbahaya.

Berikutan pengisytiharan itu, semua jabatan dan agensi kerajaan termasuk syarikat swasta, sekolah, kilang, ladang dan tapak pembinaan serta kuari diarah ditutup selama dua hari.

(END)